

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Latar Belakang Kajian

Dalam era kegemilangan Aliran Linguistik Struktural, bahasa berjaya dianalisis pada peringkat fonologi dan morfologi. Aliran Transformasi-Generatif selepas itu meletakkan unit sintaksis sebagai unit bahasa yang paling atas. Analisis wacana yang meletakkan wacana atau teks sebagai unit bahasa yang tertinggi terlepas daripada pegangan aliran sebelumnya.

Tumpuan kajian linguistik beralih daripada kajian berpaksikan mikrolinguistik kepada kajian berorientasi makrolinguistik yang menjadikan bahasa sebagai matlamat komunikasi. Peralihan ini menurut pandangan Yowell (1988) melibatkan pengkajian bahasa mengikut penggunaannya dalam konteks, mengkaji unit yang lebih tinggi daripada ayat dan menitikberatkan kemampuan berkomunikasi berbanding dengan kemampuan menguasai sistem bahasa.¹

Skop analisis wacana lebih luas dan takrifannya berbeza-beza mengikut keperluan sesuatu analisis dan kajian. Ini selaras dengan pandangan Brown dan Yule (1983:viii) yang berbunyi:

“The term ‘discourse analysis’ has come to be used with a wide range of meanings which cover a wide range of activities.”

Analisis wacana adalah pengkajian ke atas penggunaan bahasa sebenar dalam kehidupan manusia yang sebenar. Brown dan Yule (1983:1) berkata:

"The analysis of discourse is, necessarily, the analysis of language in use. As such, it cannot be restricted to the description of linguistic forms independent of the purposes or functions which those forms are designed to serve in human affairs ... the discourse analyst is committed to an investigation of what that language is used for."

Pengkaji analisis wacana tambah Brown dan Yule lagi seharusnya menggunakan pendekatan pragmatik sebagaimana kenyataan mereka seperti berikut:

"... we emphasised that the discourse analyst necessarily takes a pragmatic approach to the study of language in use." (1983:27)

Analisis wacana mengikut Stubbs (1989) pula adalah kajian yang menganalisis unit bahasa yang melebihi batasan ayat dan klausa. Ianya dapat dibayangkan melalui pernyataan berikut:

"... it refers to attempts to study the organization of language above the sentence or above the clause, and therefore to study larger linguistic units, such as conversational exchanges or written text. It follows that discourse analysis is also concerned with language in use in social context, and in particular with interaction or dialogue between speakers." (1989:1)

Cook (1994) berpendapat bahawa analisis wacana mengkaji teks berdasarkan pengetahuan konteks atau persepsi pengguna bahasa yang berbeza-beza terhadap teks. Justeru itu, kajian analisis wacana mengambil makna daripada konteks untuk diberikan kepada pengguna teks dan ianya

mesti kelihatan tepat dan sesuai dari segi makna dan perkaitan. Pernyataan Cook adalah seperti berikut:

"Discourse analysis concerns the interaction of texts with knowledge of context to create discourse... Discourse analysis is the study and the explanation of this quality of coherence (purposeful, meaningful and connected). A discourse is a coherent stretch of language... Discourse analysis must therefore be both a study of the formal linguistic qualities of stretches of language (texts), and a study of the variable perception of these stretches of language by individuals and groups ." (1994: 23-25)

Kajian bahasa yang mengambil kira konteks atau penggunaan bahasa yang sebenarnya sama ada bahasa lisan maupun tulisan dinamakan analisis wacana (*discourse analysis*). Ini dinyatakan oleh McCarthy (1991:5) seperti berikut:

"Discourse analysis is concerned with the study of the relationship between language and the contexts in which it is used... Discourse analysis study language in use: written texts of all kinds, and spoken data, from conversation to highly institutionalised forms of talks."

Analisis wacana bukan sahaja menganalisis interaksi lisan tetapi juga mengkaji interaksi tulisan. Ini adalah kerana dalam kehidupan seharian, kita banyak berinteraksi dengan bahan-bahan bercetak seperti akhbar, artikel, surat, novel, resepi, notis, brosur dan sebagainya. Justeru itu, istilah analisis wacana sebenarnya menurut McCarthy (1991) adalah merangkumi interaksi lisan dan tulisan.

Labov (1972) menegaskan bahawa unit yang menjadi kajian analisis wacana bukanlah klausa atau ayat seperti yang ditakrifkan dalam tatabahasa, akan tetapi adalah unit fungsian (*functional*) yang boleh direalisasikan

daripada klausa atau ayat.² Manakala Salkie (1995) pula berpendapat bahawa analisis wacana mengkaji bagaimana ayat-ayat disatukan untuk membentuk teks.³

Ahmad Mahmood dan Arbak Othman (2001:140) menggambarkan analisis wacana seperti berikut:

“Analisis wacana cuba meneliti bagaimana manusia menggunakan bahasanya untuk berkomunikasi. Secara khusus, bagaimana penutur membina mesej linguistik untuk disampaikan kepada pendengar, dan bagaimana pula pendengar cuba memahami mesej linguistik tersebut. Ini bererti, analisis wacana cuba meneliti bentuk-bentuk bahasa yang digunakan dalam komunikasi antara penutur-pendengar atau penulis-pembaca.”

Wong Khek Seng (1995:7) membuat kesimpulan tentang analisis wacana melalui pernyataan berikut:

“Analisis wacana merujuk usaha mengkaji bahasa yang lebih menyeluruh; yang melampaui peringkat klausa atau peringkat ayat. Hal tersebut merupakan bidang pelbagai disiplin kerana analisis wacana itu sendiri memerlukan sokongan pengetahuan daripada pelbagai disiplin.”

Walau apapun takrifan yang diberi kepada analisis wacana, kita harus melihatnya daripada perspektif yang sangat luas. Analisis wacana mempunyai unsur *flexibility* yang memungkinkannya diterap dalam apa jua disiplin ilmu asalkan ianya berkaitan dengan komunikasi manusia lisan dan tulisan serta dalam apa jua aktiviti kehidupan manusia. Tegasnya mempelajari bahasa tanpa wacana dan konteksnya boleh diibaratkan seperti jasad tanpa roh.

Analisis wacana juga membantu seseorang mempelajari ilmu-ilmu kebahasaan secara praktikal. Halliday (1987) membezakan tiga jenis pembelajaran bahasa iaitu mempelajari bahasa, mempelajari melalui bahasa dan mempelajari tentang bahasa. Mempelajari bahasa melibatkan pemerolehan aturan dan kelaziman bahasa yang tertentu untuk membolehkan seseorang menggunakan bahasa. Mempelajari melalui bahasa pula bermaksud menggunakan bahasa sebagai alat atau wasilah untuk mempelajari subjek yang lain. Manakala mempelajari tentang bahasa bermaksud mempelajari bahasa sebagai satu sistem dan bagaimana bahasa itu berfungsi. Mempelajari tentang bahasa memerlukan interaksi dengan dunia luar iaitu ianya lebih kepada proses menganalisis bahasa dari aspek luaran dengan melihat kepada makna dan fungsi bahasa seperti yang ditentukan dalam konteksnya. Dalam erti yang lain, mempelajari tentang bahasa bermaksud mempelajari bahasa sebagai teks dan wacana.⁴

Apabila seorang pengguna bahasa Arab mendengar atau membaca teks yang mempunyai lebih daripada satu ayat, dia seharusnya dapat membezakan sama ada teks tersebut merupakan bahagian-bahagian atau kelompok ayat yang mempunyai perkaitan semantik ataupun ianya merupakan koleksi ayat-ayat yang tiada perkaitan di antara satu sama lain. Membezakan di antara wacana dan koleksi ayat-ayat yang tidak berkaitan melalui kaedah ini bukan merupakan penyelesaian yang sahih dari segi linguistik. Sebaliknya, perlu ada satu mekanisma yang menetapkan ciri-ciri yang terdapat pada teks yang bertaraf wacana dan yang tidak bertaraf wacana serta ciri-ciri yang membezakan di antara keduanya.

Terdapat satu bahagian dalam analisis wacana yang dikenali sebagai kohesi atau ketenunan yang mengkaji bagaimana ayat-ayat dalam satu teks atau ucapan mempunyai perkaitan kebahasaan di antara satu sama lain secara zahirnya dan perkaitan tersebut diterima oleh masyarakat pengguna bahasa sebagai ciri utama yang menjadikan teks berfungsi sebagai mesej komunikasi yang berkesan dan sempurna. Seterusnya, ianya disokong oleh hubungan semantik yang lojik di antara ayat demi ayat yang dikenali sebagai koheren atau keteraturan fikiran.

Kajian bahasa Arab yang dilakukan selama ini adalah terbatas kepada peringkat ayat atau sintaksis berdasarkan telahan bahawa ayat merupakan unit atau satuan terbesar dalam bahasa. Sebelum ini, ayat tetap dianggap sebagai memenuhi ciri linguistiknya walaupun ia tidak mempunyai perkaitan atau tidak bersifat kohesif dengan ayat sebelum dan selepasnya dalam sesuatu teks. Lihat sahaja kitab-kitab nahu agung silam, hampir kesemuanya menjelaskan konsep bahasa dan nahu pada peringkat mikrolinguistik iaitu fonetik, fonologi, morfologi, sintaksis dan semantik. Kajian nahu yang dijalankan seperti ini menurut Azhar M. Simin (1993:89) yang meminjam istilah Clifford Geertz (1975) adalah berbentuk 'aestetisme sosiologi' kerana nahu mereka adalah kajian tentang ayat-ayat tanpa konteksnya iaitu tidak melihat ayat itu dalam konteks wacana yang sebenar.

1.2 Masalah Kajian

Salah satu daripada faktor utama perkembangan linguistik dan disiplin-disiplin yang berkaitan adalah disebabkan oleh tumpuan yang semakin banyak terhadap kajian konteks atau wacana. Terdapat banyak percubaan yang dilakukan sama ada dalam bidang sosiolinguistik atau sosial sains untuk mendefinisi secara sistematik perkaitan antara konteks sosial dan budaya dengan struktur dan fungsi bahasa.⁵ Nahu Arab pada keseluruhannya adalah nahu yang berdasarkan struktur yang menjadi pegangan dalam membina ayat-ayat Arab yang gramatis. Nahu struktur menentukan skop-skop yang boleh dibatasi untuk menghasilkan ayat-ayat Arab. Ianya bukan nahu wacana yang mengambilkira konteks pertuturan dan penulisan Arab yang sebenar dalam pembinaan ayat. Nahu wacana Arab merupakan nahu yang memeri dan menjelaskan ayat-ayat Arab yang digunakan dalam medan wacana yang sebenar. Dalam kata lain, nahu wacana memperinci dan meluaskan lagi skop nahu struktur. Setiap struktur yang ditetapkan akan diberi fungsi wacana. Mengikut Azhar M. Simin (1993:92) nahu wacana bermula pada tahap nahu struktur itu berakhir.

Persoalan utama dalam kajian ini ialah terdapatnya ketidakmampatan dalam pemerian konsep kohesi dalam nahu Arab. Konsep kohesi dalam buku-buku nahu tradisional Arab masih lagi tidak jelas dan tidak didefinisikan dalam wacana dan konteks sosial bahasa Arab. Ia hanya membincangkan bagaimana unsur-unsur boleh dihubungkan secara nahuan seperti yang terdapat dalam bahagian 'atf, na'f, r̄abit, 'idāfat, qamīr dan sebagainya. Justeru itu, masalah yang cuba di atasi dalam kajian ini adalah masalah

menghasilkan nahu Arab yang peka dan mesra wacana. Kajian ayat-ayat Arab seharusnya berasaskan ayat-ayat yang digunakan oleh penutur atau penulis Arab dalam konteks yang sebenar.

Kajian ini menganggap bahawa kajian bahasa yang dilakukan secara bebas konteks akan hanya berakhir dengan penghasilan prinsip-prinsip nahu Arab yang sekadar menjadi sukanan bahan pembelajaran yang digunakan oleh pelajar-pelajar bahasa Arab. Kajian ini membuat telahan bahawa beberapa konsep linguistik yang sebelum ini diwar-warkan oleh Aliran Linguistik Struktural dan Aliran Linguistik Transformasi-Generatif mahupun Aliran Nahu Arab Tradisional serta pengamal-pengamal bahasa secara umumnya wajar dilihat semula untuk diberi penarafan baru yang selari dengan perkembangan linguistik wacana.

Dalam bahagian ini, pengkaji akan cuba mengupas beberapa konsep dan pandangan bahasa yang pernah diutarakan oleh aliran-aliran linguistik sebelum ini tetapi perlu dimajukan dan distruktur semula melalui pendekatan wacana dalam konteks.

1.2.1 Ilham dan Ciptaan

Terdapat tanggapan sarjana bahasa Arab silam tentang asal-usul bahasa yang menjadi topik kemanusiaan yang terpenting. Secara asasnya terdapat dua aliran utama tentang kemunculan bahasa iaitu aliran yang dipelopori oleh Ibn Fāris yang menyatakan bahawa bahasa adalah ilham (*tawqīf*) iaitu telah sempurna diajar dan diilhamkan oleh Tuhan kepada

manusia semenjak nabi Adam dan aliran yang dipelopori oleh Ibn Jinniyy yang berpendapat bahawa bahasa adalah ciptaan (*iṣṭilāh*) iaitu dihasil dan diperluaskan oleh manusia sendiri. Ibn Fāris berpendapat demikian berdasarkan petikan ayat Al-Quran (وَعْلَمَ آدَمَ أَسْمَاءً كُلَّهَا) yang bermaksud

"Dan Dia mengajarkan kepada Adam nama-nama ('asma') seluruhnya".⁶

Beliau menjelaskan maksud ('asma') ialah apa sahaja nama atau perkataan yang diketahui dan digunakan oleh manusia pada hari ini. Seterusnya beliau berpendapat bahawa bahasa Arab telah mencapai tahap kesempurnaannya pada zaman nabi Muhammad dan apa sahaja perkataan yang datang selepas itu adalah dianggap bukan bahasa Arab. Manakala Ibn Jinniyy pula berpendapat bahawa ('asma') yang dinyatakan dalam ayat Al-Quran tersebut bermaksud istilah-istilah yang dikaitkan dengan benda oleh manusia secara kebetulan. Ini adalah kerana manusia pada mulanya menghasilkan bunyi-bunyi secara rambang, kemudian bunyi-bunyi tersebut dihubungkan dengan benda dan peristiwa di sekelilingnya sehingga terbentuk perkataan-perkataan dan seterusnya bahasa. Bahasa menurut Ibn Jinniyy sentiasa berkembang dan diperbaharui. Dalam erti kata yang lain, beliau berpendapat bahawa Tuhan memberi keupayaan kepada manusia untuk mencipta, menghasil dan memperkembangkan bahasa.⁷

Pengkaji merasakan bahawa pandangan yang dinyatakan oleh Ibn Fāris bercanggah dengan proses penglahiran bahasa itu sendiri, manakala pandangan Ibn Jinniyy ada terkandung di dalamnya unsur bahasa dalam wacana. Adalah sesuatu yang mustahil bagi manusia untuk mencipta perkataan dan menghubungkannya dengan benda atau peristiwa tanpa

berada dalam konteks dan situasi tertentu. Tidak mungkin manusia mencipta bunyi-bunyi bagi membentuk perkataan seperti [pokok], [tree] dan [syajarat] umpamanya dan menghubungkan perkataan tersebut dengan gambaran pokok yang sebenar jika manusia tidak pernah berhadapan dengan pokok dalam situasi yang sebenar. Ini bermakna bahasa dihasilkan berdasarkan keperluan dan peristiwa yang dilalui oleh manusia dari semasa ke semasa. Adalah tidak benar manusia yang berada pada zaman awal telah dipersiapkan dengan segala perkataan untuk menggambarkan semua benda dan peristiwa walaupun ianya baru wujud dan berlaku pada hari ini. Ini adalah kerana penglahiran bahasa hanya berlaku dalam masyarakat dengan corak kehidupan yang saling memerlukan di antara satu sama lain. Ini ditegaskan oleh Ali Abdul Wahid Wafiy (1962:88) seperti berikut:

"Tidak dapat dinafikan bahawa penglahiran bahasa manusia merujuk kepada masyarakat dan kehidupan bermasyarakat. Jika individu-individu tidak bermasyarakat dan tidak ada saling membantu, saling memahami serta bertukar-tukar fikiran tentang apa yang berlegar dalam fikiran, maka pasti bahasa tidak akan lahir." (terjemahan)

Şubhiy Al-Sâlih (1987) berpendapat bahawa segala bunyi, perkataan, ayat dan sebagainya tidak membawa apa-apa nilai melainkan sebagai lambang kepada makna dalam konteks yang disepakati oleh masyarakat. Penutur sesuatu bahasa juga sentiasa memperbaharui penggunaan bahasanya berdasarkan konteks semasa. Perkataan-perkataan yang dahulunya digunakan untuk maksud tertentu, kini telah digunakan untuk maksud yang lebih luas dan adakalanya berbeza berdasarkan keperluan konteks penutur. Ini menjelaskan kepada kita bahawa penggunaan bahasa mestilah selaras dengan konteks dan situasi kehidupan manusia semasa.

1.2.2 Qiyās dan Sama'

Perbezaan ahli falsafah Yunan tentang kemunculan bahasa sama ada secara semula jadi ataupun terhasil daripada persepakatan masyarakat mendorong kepada kewujudan dua aliran bahasa iaitu Aliran Qiyāsiyy yang berpendapat bahawa semua bahasa mempunyai sistem yang sama dan tersusun dan sistem tersebut boleh diaplikasikan dalam bahasa yang sama atau di antara satu bahasa dengan yang lain. Umpamanya dalam bahasa Arab, jamak mu'annath bagi perkataan بَقَرَاتٌ ialah بَقَرَاتٌ iaitu dengan menambah 'alif dan tā' di akhir perkataan. Penambahan ini boleh dijadikan kaedah dan digeneralisasikan kepada perkataan-perkataan lain seperti كَانِيَّاتٌ قَاعَاتٌ menjadi قَاعَاتٌ شَحْرَاتٌ مُسْلِمَاتٌ كَاتِبَاتٌ شَجَرَاتٌ مُسْلِمَةٌ. Penentangnya adalah Aliran Samā'iyy yang berpendapat sebaliknya iaitu semua bahasa mempunyai sistem yang tersendiri dan berbeza. Oleh itu, sistem bahasa tidak boleh digeneralisasi secara menyeluruh dalam sesuatu bahasa, juga sistem satu bahasa tidak boleh diaplikasi ke dalam bahasa-bahasa yang lain melainkan secara kebetulan sahaja. Umpamanya dalam bahasa Arab, jamak taksīr bagi sesetengah kata nama tidak diperolehi melalui sistem penentuan kata jamak yang ditetapkan, sebaliknya diperolehi dan ditentukan melalui kebiasaan yang dipersetujui dalam masyarakat bahasa Arab.⁸ Jamak perkataan كِتابٌ adalah

غُرْفَةٌ، زُعْمَاءٌ، حَوَانِيْتٌ، مَطَلِّعٌ، مَطْفَعٌ، كُبَّةٌ menjadi زَعِيمٌ، حَوَانِيْتٌ، مَطَلِّعٌ، مَطْفَعٌ، كُبَّةٌ menjadi حَائِوتٌ، حَوَانِيْتٌ، مَطَلِّعٌ، مَطْفَعٌ، كُبَّةٌ menjadi غُرْفَةٌ، زُعْمَاءٌ، حَوَانِيْتٌ، مَطَلِّعٌ، مَطْفَعٌ، كُبَّةٌ

Pada hakikatnya, kedua-dua aliran yang dinyatakan tadi mempunyai kepentingan dalam kajian konteks. Ini adalah kerana bahasa yang merupakan aspek utama kehidupan dan alat berinteraksi dalam masyarakat sentiasa mengalami perkembangan dan perubahan selaras dengan perubahan zaman termasuklah bahasa Arab. Untuk menjadikan bahasa Arab sebagai bahasa yang sesuai dan kekal sepanjang zaman, ia haruslah mengekalkan prinsip penggunaannya, tetapi dalam masa yang sama memberi ruang kepada pembaharuan. Maksud di sini, apa sahaja struktur bahasa Arab, walaupun ia digunakan dalam konteks sekarang yang berbeza dengan konteks dahulu harus mengambil kaedah yang serupa. Dalam hal ini, kaedah *qiyās* membantu memelihara bahasa Arab meskipun berlainan konteks dan masyarakat penggunanya. Disebabkan teras penggunaan bahasa adalah konteksnya, maka tidak semua yang diperolehi secara *qiyās* diterima oleh pengguna bahasa. Pengguna berhak menentukan apakah struktur bahasa yang hendak digunakan dengan syarat ia diterima secara majoriti oleh masyarakat. Dalam hal ini, kaedah *Samā'iyy* boleh dianggap sebagai ruang melakukan pembaharuan yang diberikan kepada pengguna bahasa Arab selaras dengan konteks penggunaan yang berbeza dan bertambah dari semasa ke semasa.

1.2.3 Fushā dan 'Āmmiyat

Di samping bahasa Arab standard, terdapat berbagai-bagai dialek yang digunakan oleh pengguna bahasa Arab mengikut kawasan-kawasan tertentu seperti Iraq, Syam, Mesir dan Maghribi. Bahasa Arab standard yang diiktiraf oleh pengguna Arab keseluruhannya dinamakan bahasa Arab Fushā manakala dialek-dialek yang digunakan di merata-rata tempat dikenali sebagai 'Āmmiyat. Syawqiy Dīf (1987:256) membayangkan fenomena Fushā dan 'Āmmiyat seperti berikut:

"Fushā bukanlah bahasa yang mutlak dalam semua keadaan begitu juga penggunaan 'Āmmiyat yang sentiasa terdedah kepada konflik kerana ia tidak difahami pada setiap masa dan tempat." (terjemahan)

Pernyataan Syawqiy Dīf di atas menunjukkan bahawa kedua-dua Fushā dan 'Āmmiyat mempunyai daerah penggunaan masing-masing. Akan tetapi daerah penggunaan 'Āmmiyat jauh lebih sempit dan berada dalam situasi ketidaktentuan penggunaan dan pemahaman jika dibandingkan dengan Fushā yang disokong oleh pengiktirafan pengguna bahasa Arab keseluruhannya.

Di kalangan pengguna asli bahasa Arab, bahasa Arab Fushā lebih dilihat sebagai bahasa penulisan manakala bahasa Arab 'Āmmiyat lebih kepada bahasa pertuturan. Hal ini terkandung dalam pernyataan yang dikemukakan oleh Maḥmūd Taymūr (1992:9) seperti berikut:

"Kekangan utama bahasa Arab Fushā ialah ia dikatakan sebagai bahasa penulisan bukannya bahasa pertuturan. Jika bahasa Arab Fushā menjadi bahasa pertuturan, sudah pasti ia digunakan dengan meluas di pasar dan rumah.

Penggunaan Arab ‘Ammiyyat lebih nyata kefasihannya kerana ia mencerminkan kehidupan seharian. Akan tetapi, ‘Ammiyyat tidak mempunyai kaedah-kaedah yang sistematik dan konsisten serta tidak berkeupayaan menjelaskan isu-isu ilmiah dalam masyarakat.” (terjemahan)

Persoalannya di sini ialah adakah bahasa Arab Fushā boleh menjadi bahasa pertuturan supaya ia kelihatan sebagai bahasa yang sempurna. Untuk mencapai matlamat tersebut, sewajarnya penggunaan dan pengaruh bahasa Arab Fushā dalam kehidupan lisan dan tulisan penggunanya diperluaskan. Dalam hal ini Maḥmūd Taymūr (1992) mengesyorkan empat langkah yang perlu diambil iaitu memperkayakan bahasa, mempermudahkan penggunaan bahasa, mempermudahkan nahu dan memperluaskan kaedah penulisan.⁹

Di sini pengkaji merasakan bahawa langkah-langkah yang dicadangkan oleh Maḥmūd Taymūr tadi ada kewajarannya dengan mengambilkira bahawa bahasa pertuturan mendahului bahasa penulisan dari segi sejarah. Apa yang ditulis sebenarnya berasal daripada apa yang dipertuturkan oleh pengguna bahasa. Justeru itu, bahasa yang digunakan dalam wacana penulisan berasal dari bahasa yang digunakan dalam wacana pertuturan. Dalam pembentukan kaedah nahu bahasa Arab, ianya tidak boleh dilakukan hanya dengan melihat kepada batasan klausa dan ayat sahaja iaitu mengambil sampel-sampel klausa dan ayat sebagai sandaran meletakkan kaedah nahu Arab. Nahu bahasa Arab Fushā yang dibina mestilah melihat asal-usul konteks klausa dan ayat yang dijadikan dalil dan perkaitannya dengan klausa serta ayat dalam pertuturan atau penulisan yang sama. Jika benar bahasa pertuturan tidak boleh disamakan dengan bahasa penulisan,

maka pengkaji-pengkaji bahasa harus memikirkan keperluan mengasingkan nahu bahasa Arab pertuturan dan nahu bahasa Arab penulisan. Kedua-dua jenis nahu itu mestilah dipastikan dari jenis nahu yang peka kepada konteks.

1.2.4 Kemampuan dan Penampilan

Aliran Nahu Transformasi-Generatif membezakan bahasa dari sudut kemampuan (*competence*) dan penampilan (*performance*).¹⁰ Kemampuan adalah pengetahuan bahasa yang terdapat dalam diri seseorang iaitu keupayaan pengguna bahasa menghasilkan ayat dan memahaminya. Penampilan pula adalah penggunaan semasa bahasa oleh pengguna dalam konteks dan waktu yang tertentu. Ketika menggunakan bahasa, pengguna bahasa akan merujuk kepada kaedah-kaedah bahasa yang berada dalam lingkungan kemampuannya. Ini bermakna kemampuan bahasa memandu proses penampilan bahasa atau dalam kata yang sebaliknya penampilan bahasa merupakan refleksi kemampuan bahasa. Namun begitu, hal ini hanya berlaku kepada pengguna bahasa mithali. Pada hakikatnya penggunaan bahasa sering terdedah kepada faktor-faktor lain seperti gangguan persekitaran, keadaan kesihatan, cara interaksi individu dan penyimpangan kaedah bahasa yang menyebabkan penampilan bahasa bukan lagi pantulan kemampuan bahasa secara mutlak.¹¹

Konsep kemampuan dan penampilan bahasa bagi pengguna bahasa berkait rapat dengan kemahiran berbahasa. Asmah Hj. Omar (1984:57) menggambarkan kemahiran berbahasa seperti berikut:

“... Seseorang itu mempunyai kemahiran atau kecekapan berbahasa jika dia dapat menggunakan bahasa yang berkenaan dengan baik menurut nahu yang betul.”

Pengguna yang ingin memiliki kemahiran berbahasa ini akan berusaha mempelajari kaedah-kaedah nahu supaya ia dapat membina perkataan dan ayat dengan baik di samping dapat mengenalpasti struktur-struktur ayat yang salah. Namun begitu, menurut Asmah (1984) pengguna seperti ini terutamanya pengguna bukan asli sesuatu bahasa, belum tentu boleh menguasai bahasa dan berkomunikasi dengan baik. Ini adalah kerana, jika pengguna berkenaan diminta menggunakan bahasa dalam konteks tertentu, dia pasti tidak dapat menggunakannya dengan baik iaitu tidak dapat mencari perkataan dan ayat yang sesuai untuk menyampaikan idea dalam situasi tertentu. Perkara ini disebabkan oleh pengguna hanya melihat kepada penguasaan sistem nahu semata-mata sebagai jalan untuk mencapai kecekapan berbahasa tanpa mempelajari dan menguasai penggunaan sesuatu bahasa dalam konteks wacana dan sosial pada waktu yang tertentu dengan fungsi bahasa yang khusus. Justeru itu, kemahiran berbahasa sebenarnya menuntut kombinasi penguasaan kaedah-kaedah sintaksis dan bagaimana menggunakan kaedah-kaedah tersebut dalam situasi wacana yang sebenar lagi pelbagai. Ini selari dengan kesimpulan yang dinyatakan oleh Asmah Hj. Omar (1984:59) berhubung dengan kemahiran berbahasa seperti berikut:

“...Apa yang dinamakan kemahiran berbahasa itu sebenarnya adalah darjah yang tinggi dalam penguasaan bahasa dilihat dari dua sudut: pertama, penggunaan sistem dan peraturan-peraturan nahu dengan baik, dan kedua penggunaan sistem dan peraturan-peraturan itu

dalam konteks pengwujudannya, yakni konteks wacana dan konteks sosiolinguistik."

Daripada penjelasan tadi, kita dapat rumuskan bahawa penggunaan bahasa Arab pada peringkat yang cemerlang memerlukan seseorang bukan sahaja memahami dan menguasai sistem nahu Arab, tetapi memastikan pemahaman sistem tersebut tidak dilakukan secara terpencil daripada konteks wacananya.

1.2.5 Teori dan Praktikal

Dalam apa jua aktiviti manusia termasuk bahasa, aspek praktikal lazimnya mendahului aspek teori. Manusia menggunakan bahasa dalam alam realiti sebelum mencipta kaedah-kaedahnya. Kanak-kanak memperolehi bahasa ibunda tanpa mengetahui sama ada sebahagiannya termasuk dalam kategori sintaksis atau morfologi atau apa jua kaedah bahasa. Dalam kata lain, modus pemerolehan bahasa mereka adalah melalui kaedah praktikal dahulu sebelum memahami teorinya. Para pengkaji bahasa meletakkan teori-teori sesuatu bahasa sesudah bahasa tersebut diperkenalkan di kalangan masyarakat penggunanya. Umpamanya Panini yang meletakkan teori untuk bahasa Sanskrit, Aristo serta ahli-ahli falsafah meletakkan teori bagi bahasa Yunan dan ahli-ahli nahu Arab untuk teori bagi bahasa Arab.

Apa sahaja teori nahu yang dirangka untuk kemudahan pembelajaran bahasa mesti berasaskan bagaimana bahasa tersebut digunakan dalam wacananya yang sebenar. Di sini, pengkaji mengulangi sekali lagi tentang

keperluan memisahkan kaedah nahu bahasa pertuturan dan kaedah nahu bahasa penulisan kerana kedua-duanya berpaksikan wacana yang berbeza. Dengan sebab itu, teori sintaksis yang dibina mesti melihat kepada realiti penggunaannya dalam wacana yang tulen. Pandangan pengkaji ini selaras dengan pandangan yang dikemukakan oleh Tamām Ḥasan (1985:57) seperti berikut:

"Ketika manusia berfikir tentang teori bahasa, pemikiran tersebut mestilah mengambil kira unsur-unsur kefahamannya terhadap alam sekeliling ..." (terjemahan)

Untuk kemudahan pembelajaran apa-apa bahasa seperti bahasa Arab, ia harus bertolak daripada wacana. Jika seseorang ingin mempelajari pertuturan bahasa Arab, dia mesti sentiasa berinteraksi dengan teks-teks perbualan dan pertuturan dalam situasi yang sebenar. Daripada itu, barulah dapat dikenalpasti dengan jelas apakah struktur-struktur bahasa Arab yang sesuai digunakan untuk pertuturan dan perbualan serta apakah ciri-ciri paralinguistik yang terlibat seperti tekanan, intonasi, kepanjangan bunyi, gerak-geri mata, tangan dan sebagainya. Begitu juga halnya jika seseorang ingin mempelajari penulisan bahasa Arab, dia mesti mempelajari struktur-struktur bahasa penulisan dalam teks penulisan itu sendiri. Ini bagi membolehkannya menguasai kaedah pemilihan dan pembinaan ayat yang sesuai serta ciri-ciri paralinguistik yang dinyatakan dalam bentuk tanda-tanda bacaan, angka, jadual, graf, peta, lambang-lambang matematik dan sebagainya.

1.2.6 Pembelajaran Bahasa untuk Penguasaan Ayat

Hampir kesemua pendekatan pembelajaran nahu bahasa Arab sebagai bahasa kedua atau asing meletakkan penguasaan pembentukan ayat sebagai matlamat yang paling atas. Aliran Linguistik Transformasi-Generatif yang dipelopori oleh Chomsky meletakkan kemuncak kejayaan berbahasa kepada kebolehan membentuk ayat-ayat yang unggul mengikut intuisi penutur asli yang berdasarkan sistem nahu sesuatu bahasa. Matlamat akhirnya hanya pembinaan ayat yang sempurna. Terdapat berbagai-bagai jenis latihan untuk membina ayat dengan menggunakan kaedah latihan pencilan.¹² Kaedah latihan pencilan yang digunakan mengasingkan pola-pola ayat dan mempelajarinya secara intensif tanpa meletakkannya dalam wacana. Pelajar bahasa Arab yang menggunakan kaedah latihan pencilan ini akan menghadapi kesukaran apabila berhadapan dengan konteks wacana yang sebenar sama ada tulisan maupun lisan. Ayat-ayat yang dihasilkan olehnya merupakan ayat pencilan yang terkeluar daripada konteks penggunaan bahasa yang sebenar. Ini bermakna, ciri utama yang harus terdapat dalam wacana seperti ciri kohesi antara ayat-ayat tidak wujud sama sekali.

Kita harus sedar bahawa matlamat akhir mempelajari sesuatu bahasa adalah untuk membolehkan kita berkomunikasi dengan berkesan sama ada secara lisan atau tulisan. Ini dinyatakan oleh Asmah Hj. Omar (1984:61) seperti berikut:

“Penguasaan bahasa untuk tujuan berkomunikasi adalah merupakan penguasaan pada taraf yang paling tinggi.”

Untuk mencapai komunikasi yang berkesan sama ada sebagai penghasil iaitu penutur dan penulis atau sebagai penerima iaitu pendengar dan pembaca, maka tidak dapat tidak bahasa Arab mesti dipelajari dalam wacana dan konteks sosialnya. Apa sahaja konsep linguistik Arab sama ada fonetik, fonologi, morfologi, sintaksis, leksikal dan sebagainya hendaklah diambil contohnya daripada wacana Arab yang sebenar. Umpamanya apabila kita mempelajari konsep pembentukan kata Arab melalui kaedah imbuhan atau *al-lawāṣiq*, kita tidak akan memahami penggunaan perkataan-perkataan yang dihasilkan melalui kaedah ini dengan sendirinya. Sebaliknya, kita harus meletakkan perkataan-perkataan tersebut dalam konteks wacana yang sebenar. Ini sekali lagi menjelaskan kepada kita bahawa bahasa dan konteksnya memang tidak dapat dipisahkan.

1.3 Objektif Kajian

Dalam kajian ini, pengkaji cuba mengaplikasi kaedah-kaedah kohesi yang terkandung dalam teori analisis wacana ke dalam wacana penulisan Arab dengan membuat penyesuaian-penyesuaian yang diperlukan berdasarkan kaedah linguistik Arab yang sedia ada. Pengkaji cuba membina kaedah nahu kohesi dalam bahasa Arab penulisan berdasarkan konteks penggunaannya yang sebenar. Dalam kata yang lebih mudah, pengkaji mahu menghasilkan nahu kohesi peka-konteks yang semestinya berbeza dengan apa yang terdapat dalam kaedah-kaedah nahu bebas-konteks. Justeru itu, kajian ini mempunyai objektif-objektif seperti berikut:

- i- Menggunakan pendekatan sintaksis wacana dalam memerikan konsep kohesi dalam bahasa Arab.
- ii- Menjelaskan beberapa persoalan berhubung dengan konsep kohesi Arab yang tidak terjawab dengan secukupnya pada peringkat sintaksis ayat atau nahu ayat bebas konteks.
- iii- Mendeskripsi jenis-jenis dan alat-alat kohesi Arab yang boleh digunakan dalam wacana tulisan bukan berdasarkan intuisi penulis buku-buku nahu Arab.
- iv- Menganalisis wacana penulisan Arab berdasarkan konsep kohesi yang merentas sempadan ayat.
- v- Membuktikan bahawa hubungan kontekstual dalam wacana Arab dapat membentuk jalinan semantik yang bersepadu dan utuh.

1.4 Skop Kajian

Kajian ini akan menumpukan kepada aspek kohesi dan jenis-jenisnya yang terdapat dalam wacana penulisan Arab. Ia akan menjelaskan bagaimakah kohesi digunakan dalam konteks sosial penulisan masyarakat Arab yang sebenar. Ini bermakna, kajian ini membuat penelitian aspek kohesi pada peringkat yang paling luas melebihi jangkuan teori dalam nahu ayat. Data yang digunakan dalam kajian ini adalah sebuah wacana sastera karangan sasterawan Arab terkenal Muṣṭafā Ṣādiq Al-Rāfi'iyy yang berjudul "Al-Saḥāb Al-'Aḥmar". Kajian ini juga bercadang untuk menggunakan model kohesi yang diutarakan oleh Halliday dan Hasan (1976) dengan membuat

beberapa modifikasi supaya sesuai dengan konteks penulisan Arab. Halliday dan Hasan telah memajukan satu model tentang bagaimana pendengar dan pembaca dapat membina perkaitan antara bahagian-bahagian dalam teks. Perkaitan tersebut dapat dijalinkan dengan beberapa cara yang akan dibincangkan dengan terperinci dalam bab tiga kajian ini. Kohesi mengikut gambaran Halliday dan Hasan adalah seperti berikut:

"Cohesive relations are relations between two or more elements in a text that are independent of the structure." (1976:vii)

Justeru itu, kajian yang dijalankan ini adalah satu usaha untuk memerlukan wacana bahasa Arab. Ini dilakukan dengan mengkaji konsep kohesi dan jenis-jenisnya dalam bahasa Arab berdasarkan sintaksis wacana (*discourse syntax*) bukannya sintaksis ayat (*sentence syntax*). Sintaksis wacana pula dibataskan hanya kepada wacana tulisan.

1.5 Kaedah Kajian

Secara umumnya, kajian ini akan menggunakan dua metodologi utama iaitu:

i- Kajian perpustakaan:

Kajian ini dijalankan dengan cara mengumpulkan maklumat daripada buku-buku, jurnal-jurnal dan kertas-kertas kerja yang berkaitan dengan bahan kajian sama ada dalam bahasa Melayu, bahasa Inggeris dan

bahasa Arab. Kajian perpustakaan juga dilakukan untuk mengumpulkan maklumat yang berkaitan dengan aspek kohesi dalam wacana penulisan Arab sebagai teras kajian ini.

ii- Analisis data:

Data atau korpus yang dipilih untuk tesis ini ialah novel "Al-Sahāb Al-'Ahmar" karangan Muṣṭafā Ṣādiq Al-Rāfi'iyy. Kajian terhadap data ini akan menumpukan kepada aspek kohesi yang terdapat di dalamnya dengan menggunakan kerangka Halliday dan Hasan yang disesuaikan dengan struktur teks bahasa Arab. Ini bagi menunjukkan alat-alat kohesi yang boleh digunakan dalam bahasa Arab berdasarkan konteks wacana penulisan yang sebenar. Hasil daripada analisis data juga akan dirumuskan dalam bentuk jadual yang sesuai bagi menjelaskan lagi dapatan pengkaji.

1.6 Bahan Kajian

Bahan yang dipilih untuk kajian ini terdiri daripada 50 sampel teks yang dipilih secara rawak dengan pelbagai saiz dari satu sumber iaitu novel sastera yang berjudul "Al-Sahāb Al-'Ahmar" (singkatan seterusnya ASAH) yang ditulis oleh Muṣṭafā Ṣādiq Al-Rāfi'iyy. Sampel-sampel teks yang terpilih ada dinyatakan di bahagian lampiran tesis. Perlu dinyatakan bahawa teks sastera dipilih kerana ia merupakan contoh penggunaan bahasa yang baik dalam

konteks wacana yang sebenar. Ini selaras dengan pendapat McCarthy dan Carter (1994:135) seperti berikut:

"Literary texts are examples of language in use. They are instances of real communication in real social contexts. Consequently, discourse analysis can reveal meanings and patterns in literary text that are not normally revealed by the more traditional commentaries based on grammatical, lexical and phonological analysis."

Cook (1994) menganggap bahawa sebilangan besar kajian analisis wacana lebih memfokuskan kepada wacana sastera sebagaimana yang dijelaskan oleh beliau seperti berikut:

"... discourse analysis must be able to account for all types of discourse, and, among discourse types, literature is widely if not universally considered to be one of the most important and the most powerful." (1994:1)

1.6.1 Sebab-sebab Pemilihan Wacana Tulisan

Secara umumnya, wacana boleh diklasifikasikan kepada tulisan (*written*) dan lisan (*spoken*). Penulisan bersifat kekal iaitu melangkaui batasan masa dan tempat. Ini dinyatakan oleh Goody (1977) yang dipetik daripada Brown dan Yule (1983: 13) seperti berikut:

"Written language has two main functions: the first is the storage function which permits communication over time and space, and the second is that which 'shifts language from the oral to the visual domain' and permits words and sentences to be examined out of their original contexts, 'where they appear in a very different and highly "abstract" context.'

Adapun sebab-sebab yang mendorong pengkaji memilih wacana penulisan Arab sebagai bahan kajian adalah seperti berikut:

- i- Struktur ayat dalam teks Arab bertulis lebih sempurna dan gramatis berbanding teks lisan yang sering mengandungi ayat-ayat yang tidak lengkap serta tidak mematuhi sistem nahu yang betul.
- ii- Dalam wacana tulisan, penanda metalingual digunakan dengan meluas untuk menanda hubungan di antara klausa-klausa dan ayat-ayat. Penggunaan penanda seperti ini amat jarang dalam wacana lisan.
- iii- Distribusi ayat dan tahap ketenunannya dalam wacana tulisan lebih baik daripada wacana lisan yang sering mengandungi ayat-ayat yang terputus-putus.
- iv- Urutan isi dan susunan maklumat lebih jelas dan logik dalam wacana tulisan berbanding wacana lisan.

1.6.2 Latar belakang Novel “Al-Sahāb Al-’Ahmar”

ASAH yang dipilih sebagai bahan kajian ini adalah sebuah karya bahasa Arab klasik yang ditulis dalam bentuk prosa. Dalam bidang kesusasteraan Arab, novel ASAH digolongkan antara karya agung yang pernah dihasilkan oleh sasterawan agung Arab iaitu Muṣṭafā Ṣādiq Al-Rāfi’iyy

selain karya-karya novelnya yang lain seperti "Rasa'il Al-'Ahzān", " 'Awraq Al-Ward" , "Hadīth Al-Qamar" dan "Al-Masākin".

Naskhah *ASAHI* yang digunakan dalam kajian ini adalah dari cetakan kelapan, tahun 1982 yang diterbitkan oleh Dār al-Kitāb al-'Arabiyy yang berpengkalan di Beirut, Lubnan. Ianya setebal 158 muka surat dan mengandungi sembilan fasal utama.

Perlu dinyatakan bahawa tesis ini bukanlah bertujuan untuk menganalisis *ASAHI* dari sudut kritikan sastera. Perkara yang akan dikaji ialah nahu wacana bahasa Arab yang terdapat di dalamnya berdasarkan analisis kohesi.

1.6.3 Sebab-sebab Pemilihan Teks "Al-Sahāb Al-'Ahmar"

Terdapat beberapa asas yang mendorong pengkaji memilih *ASAHI* sebagai teks kajian. Antaranya ialah:

- i- *ASAHI* adalah di antara karya agung yang pernah dihasilkan oleh Muṣṭafā Ṣādiq Al-Rāfi'iyy yang mempunyai nilai bahasa dan gaya persembahan yang diiktiraf sebagai berkualiti tinggi.
- ii- *ASAHI* adalah novel yang menceritakan tentang kisah hidup pengarangnya sendiri iaitu kisah yang berkaitan dengan percintaannya dengan seorang perempuan yang akhirnya menemui kegagalan.
- iii- Mesej kemanusiaan yang cuba disampaikan dalam karya ini sangat tinggi dan amat bermanfaat sekali kepada pembaca.

- iv- Pemilihan ASAHI adalah untuk mengangkat martabat kesusastraan Arab terutama kesusastraan Arab silam yang kaya dengan pelbagai unsur bahasa yang boleh menjadi panduan kepada generasi masa kini.

1.6.4 Muṣṭafā Ṣādiq Al-Rāfi'iyy Sebagai Karyawan Agung Arab

Muṣṭafā Ṣādiq Al-Rāfi'iyy bin Al-Syeikh Abdul Razak bin Sa'id bin Ahmad bin Abdul Qādir Al-Rāfi'iyy (1881-1937) yang berasal daripada keluarga Al-Rāfi'iyy adalah seorang penulis, pemikir dan karyawan agung dalam dunia kesusastraan Arab dan agama Islam. Beliau yang dilahirkan di Mesir pada tahun 1881 berasal daripada keluarga yang sangat terkenal dalam bidang kesusastraan, politik, kehakiman dan pengajian Islam. Kebanyakan ahli keluarganya pernah berkhidmat sebagai hakim di beberapa buah negara Arab seperti Lubnan, Yaman dan Mesir. Bapa beliau Al-Syekh Abdul Razak Al-Rāfi'iyy adalah seorang hakim yang ternama. Walaupun Muṣṭafā Ṣādiq Al-Rāfi'iyy tidak mempunyai kelulusan pendidikan yang tinggi ditambah dengan tahap pendengarannya yang hampir hilang, namun beliau memiliki kecerdasan yang luar biasa dan mempelajari segala bidang ilmu dengan usaha dan pembelajaran sendiri. Ini menempatkannya sebagai seorang yang paling terkemuka di Mesir berbanding dengan ahli keluarga beliau yang lain. Beliau memilih Tanta, sebuah bandar kecil sebagai tempat tinggalnya.¹³

Novel "Al-Sahāb Al-'Ahmar" (*The Red Clouds*) adalah salah sebuah daripada himpunan karya romantik agung yang dihasilkan oleh Muṣṭafā Ṣādiq Al-Rāfi'iyy selain daripada "Awraq Al-Ward" (*Rose Leaves*), "Hadīth Al-Qamar" (*The Moon's Talk*), "Al-Masākin" (*The Poor*) dan lain-lain lagi. Beliau menulis tentang percintaan, kehidupan masyarakat dan falsafah. Beliau juga menghasilkan buku-buku agama seperti "I'jaz al-Quran" (*The Miraculousness of Koran*) dan "Tahta Rāyať al-Quran" (*Under the Banner of Koran*). Buku beliau "Tārīkh 'Adab al-'Arab" (*The History of Arabic Literature*) dianggap kajian yang sangat bernilai dalam bidang kesusastraan Arab. Di samping itu, beliau menghasilkan beberapa siri artikel yang diberi judul "Alā al-Saffūd" (*On the Rack*) dan "Wahy al-Qalam" (*Glimpses of Inspiration*).

Muṣṭafā Ṣādiq Al-Rāfi'iyy berpegang kuat kepada prinsipnya yang mengatakan bahawa bahasa Arab dan agama Islam itu amat berkait rapat di antara satu sama lain. Pada beliau, sesiapa yang meremeh dan memperendahkan bahasa Arab bermakna ia menjatuhkan agama Islam. Justeru itu, beliau banyak mengisi kehidupannya dengan mematahkan cubaan untuk 'memodenkan' bahasa Arab dengan menggantikan tulisan Arab dengan tulisan Latin. Beliau mempertahankan cubaan untuk merendahkan nilai-nilai kesucian Islam dan mereka yang cuba menghilangkan kebudayaan Arab dan Islam dari bumi Mesir. Cubaan-cubaan ini diketuai oleh beberapa tokoh ilmuan dan sasterawan ternama Arab seperti Ṭaha Ḥusayn, Maḥmūd 'Azmiy, Salāmať Mūsā, Aḥmad Lutfiyy Al-Sayyid dan beberapa warga Inggeris di Mesir seperti Wilmoor dan Welcocks. Muṣṭafā Ṣādiq Al-Rāfi'iyy menganggap cubaan mereka ini sebagai pakatan untuk melemahkan bangsa Arab dan Islam keseluruhannya. Dengan sebab itu, beliau berjuang dengan

penuh berani lagi patriotis dan berjaya memenangi sokongan bangsa Arab dan umat Islam pada masa tersebut. Beliau telah memperolehi pengiktirafan daripada seluruh bangsa Arab sebagai pejuang agama Islam yang ulung dan sebagai pemimpin bidang kesusasteraan di seluruh dunia Arab.¹⁴

Muṣṭafa Ṣādiq Al-Rāfi'iyy menggambarkan karier penulisannya yang dipetik daripada Mostafa M. Al-Shak'a (1978: 8) dengan berkata:

"The sacred goal towards which I look for in literature is the oriental soul in its religion and virtues. I write only what keeps it alive, elongate its life and sacred goal, and also its purposes in life. That is why I do not deal except with the sublime branch of literature. Sometimes I imagine that I am a linguistic messenger, sent for defending the Koran, its language and its eloquence . I am always in arms ready to defend the Koran and its language. I also know its contents, the dates of its victories and defeats."

1.7 Kajian Lampau

Dalam bahagian ini, pengkaji akan mengupas secara ringkas tentang perkembangan analisis wacana yang dibahagikan kepada empat peringkat seperti berikut:

1.7.1 Perkembangan Analisis Wacana di Luar Negara

Analisis wacana pada mulanya berkembang secara tidak langsung dalam pelbagai disiplin di sekitar tahun-tahun 60 an dan awal 70 an seperti

linguistik, semiotik, psikologi, antropologi dan sosiologi.¹⁵ Istilah analisis wacana mula diperkenalkan apabila Zellig Harris menerbitkan artikel pada tahun 1952 yang bertajuk "Discourse Analysis". Harris yang menggunakan pendekatan Bloomfieldian telah mengariskan kaedah menganalisis teks ucapan dan tulisan tanpa bergantung kepada pengetahuan terhadap makna setiap morfem secara berasingan. Beliau juga mendapati bahawa analisis penyebaran (*distributional analysis*) boleh diaplikasi ke dalam keseluruhan teks bagi memperolehi struktur yang melampaui batasan ayat.¹⁶ Kemudian, Dell Hymes (1964) mengkaji pertuturan dalam konteks sosial berdasarkan perspektif sosiologi. Sarjana-sarjana linguistik seperti Austin (1962), Searle (1969) dan Grice (1975) juga berpengaruh dalam menampilkan kajian-kajian bahasa dalam arena sosial melalui Teori Lakuan Pertuturan dan kemunculan bidang pragmatik yang mengkaji makna dalam konteks.¹⁷

Di Eropah, terdapat sarjana linguistik terutamanya di England dan Jerman yang berpegang kepada Aliran Struktural yang menghasilkan kajian yang melepassi batasan ayat. Umpamanya Halliday (1961), Hartmann (1964 dan 1968), Harweg (1968), Petofi (1971), van Dijk (1972), Dressler (1972) dan Schmidt (1973). Terdapat juga kajian linguistik wacana yang berada dalam batasan nahu, stilistik dan puisi seperti Leech (1966) serta Crystal dan Davy (1969).¹⁸ Di Britain, kajian wacana diilhamkan oleh J.R. Firth (1951) yang menegaskan bahawa bahasa hanya mempunyai makna apabila berada dalam konteks situasi (*context of situation*). Firth juga mendakwa bahawa proses mendeskripsi bahasa harus bermula dengan pengumpulan teks yang jelas konteksnya dan tujuan deskripsi ialah untuk menjelaskan bagaimana ayat atau ujaran mempunyai makna tatkala berada dalam konteks.¹⁹ Usaha

ini kemudiannya diteruskan oleh M.A.K. Halliday yang menggunakan pendekatan fungsian dalam kajian bahasa. Kerangka Halliday menekankan fungsi sosial pada bahasa serta struktur tematik dan maklumat dalam pertuturan dan penulisan. Selain daripada itu, Sinclair dan Coulthard (1975) telah memajukan satu model yang menganalisis perbualan guru-pelajar berdasarkan kepada hirarki unit-unit wacana. Kajian-kajian seumpamanya adalah seperti interaksi doktor-pesakit, temuduga, perbahasan, rundingan perniagaan dan monolog. Kajian-kajian terhadap novel juga telah dilakukan berdasarkan analisis wacana.²⁰

Di Amerika, kajian linguistik moden tidak terus menyahut seruan untuk mengkaji analisis wacana seperti yang dilakukan oleh Harris pada tahun 1952. Dari itu, tidak banyak sarjana linguistik Amerika yang melihat kepada unit yang melebihi batasan ayat sehingga tahun 1970 an. Aliran Transformasi Generatif yang memfokuskan kepada fonologi, morfologi, sintaksis dan semantik tidak mengkjajinya dalam konteks, sebaliknya dalam ayat-ayat yang terpisah. Kajian linguistik wacana pada masa itu hanya terhad kepada aliran-aliran linguistik yang kurang terkenal seperti Aliran Tagmemik Pike (1967), Grimes (1975) dan Longacre (1976).²¹ Analisis wacana didominasi oleh kajian-kajian berbentuk etnometodologi yang memberi tumpuan kepada kaedah berbentuk pemerhatian yang terperinci dalam situasi yang tulen seperti penyampaian cerita, ucapan-ucapan istiadat, pertengkaran mulut dalam pelbagai adat dan kelompok masyarakat. Analisis perbualan yang sering dilakukan oleh para sarjana bahasa Amerika merupakan sebahagian daripada bidang analisis wacana. Dalam analisis perbualan, penekanan bukan setakat kepada membina kerangka model, akan tetapi

kepada perlakuan dan tingkah laku peserta-peserta perbualan serta pola-pola ayat yang digunakan. Dapatan yang diperolehi daripada kajian Goffman (1976 ;1979) serta Sacks, Schegloff dan Jefferson (1974) adalah penting untuk mengkaji pola-pola perbualan, pengambilan giliran dan aspek-aspek interaksi pertuturan yang lain. Di samping itu, kajian berbentuk sosiolinguistik seperti yang dilakukan oleh Labov (1972) telah mendorong minat terhadap kajian-kajian wacana naratif. Tegasnya, kajian-kajian di Amerika telah memerikan berbagai-bagai jenis wacana sekaligus merupakan penyelesaian terhadap beberapa permasalahan interaksi sosial.

Perkembangan analisis wacana juga dipengaruhi oleh kajian-kajian yang dijalankan oleh ahli-ahli tatabahasa teks (*text grammarians*) yang kebanyakannya mengkaji teks-teks penulisan. Ahli-ahli tatabahasa teks menganggap teks mengandungi unsur-unsur bahasa yang saling memperkuuhkan di antara satu sama lain melalui hubungan yang boleh didefinisikan. Sarjana-sarjana linguistik seperti van Dijk (1972), Beaugrande (1980), Halliday dan Hasan (1976) serta sekolah linguistik Prague memberikan sumbangan yang signifikan dalam kajian ini. Apa yang ingin ditonjolkan oleh mereka ialah perkaitan di antara nahu dan wacana.²²

1.7.2 Perkembangan Analisis Wacana Arab di Luar Negara

Jika kita meneliti kajian-kajian dan hasil-hasil penulisan ahli-ahli bahasa Arab, kita dapati hampir keseluruhannya menggunakan pendekatan Nahu Tradisional yang dipelopori oleh Sibawayh, Al-Mubarrad, Al-Fārisiyy,

Ibn Jinniy, Zamakhsyariyy, Ibn Malik dan lain-lain sama ada daripada Aliran Baṣriyyaṭ mahupun Kūfiyyaṭ dalam mendeskripsikan unsur-unsur bahasa Arab. Kepentingan terhadap kajian makna dan wacana Arab menurut teori Barat hanya mula diperkatakan semenjak pertengahan tahun 70 an. Akan tetapi, sehingga hari ini belum ada sarjana linguistik Arab yang menghasilkan kerangka contoh yang jitu dan jelas untuk bahasa Arab dalam bidang analisis wacana. Sarjana-sarjana linguistik moden Arab seperti Ḥanūn Mubārak dan Muḥammad Al-Ḥannāsy masih berpegang kepada Aliran Linguistik Struktural manakala Misyāl Zakariyyā dan Abdul Qādir Al-Fāsiyy Fihriyy berpegang kepada Aliran Linguistik Transformasi Generatif.

Sarjana linguistik Arab yang mula-mula memperkatakan tentang perkaitan makna bentuk (bahasa) dengan konteks (sosial) menurut kajian linguistik moden ialah Tamām Ḥasān. Maḥmūd Ahmad Nahlaṭ (1988:81) menyifatkan Tamām Ḥasān seperti berikut:


"Aku belum pernah berjumpa seorangpun pengkaji Arab yang mampu menghasilkan satu konsep tatabahasa Arab daripada teori nahu dan retorik silam berdasarkan kaedah linguistik moden selain daripada Tamām Ḥasān." (terjemahan)

Konsep perkaitan bahasa dan konteks Arab mula dikemukakan oleh beliau pada tahun 1973 dalam bukunya yang bertajuk "Al-Lughāṭ al-'Arabiyyaṭ Ma'nāhā wa Mabnāhā". Beliau menjadikan makna sebagai topik perbahasan dalam buku tersebut. Pandangan beliau terhadap makna menyerupai pandangan sarjana linguistik Barat yang menyatakan bahawa sesuatu makna tidak dapat diketahui dengan sempurna melainkan dengan melihat kepada aspek sosial dan konteksnya atau apa yang disebut oleh Malinowski sebagai keperihalan keadaan (*context of situation*). Muḥammad

Şalahuddin (1979) menyifatkan Tamām Ḥasan sebagai seorang pengikut aliran yang dibawa oleh J.R. Firth kerana kedua-duanya menjadikan makna sebagai matlamat dan mengaitkan makna dengan konteks sosial.²³

Perkaitan makna di antara bahasa (maqāl) dan konteksnya (maqām) dalam wacana Arab dijelaskan oleh Tamām Ḥasan seperti berikut:

Rajah 1: Perkaitan makna di antara bahasa dan konteks



Makna sesuatu perkataan boleh dilihat dari sudut leksikal dan fungsi strukturnya ataupun boleh dilihat dari sudut konteks wacana di mana ia diujarkan. Makna yang diperolehi berdasarkan aspek fonologi, morfologi, sintaksis dan leksikal hanya merupakan makna bahasa semata-mata atau makna zahir sahaja. Makna tersebut tidak mengambilkira situasi di mana bahasa diujarkan dan konteks penutur yang menggunakannya. Makna menjadi lengkap apabila dikaitkan dengan konteks sosial.²⁴

Beberapa kesimpulan tentang makna dan konteks, dinyatakan oleh Tamām Ḥasan dalam bukunya adalah seperti berikut:

- i- Kelemahan nahu Arab ialah kerana ianya terlalu terikat dengan sistem nahu tanpa mengambilkira aspek isi dan makna.

- ii- Kajian semantik Arab silam yang dipelopori oleh Abdul Al-Qahir Al-Jurjaniyy menjadi panduan dan isyarat yang jelas kepada ahli-ahli nahu untuk mengkaji bahasa mengikut makna konteks. Justeru itu, adalah wajar ilmu nahu dan semantik digabungkan bagi membina kajian nahu Arab yang berteraskan makna dan konteks.
- iii- Ahli-ahli semantik Arab silam menyedari bahawa bahasa adalah fenomena kemasyarakatan yang mempunyai pertalian yang sangat rapat dengan kebudayaan masyarakat tersebut. Kebudayaan masyarakat dijelaskan melalui situasi-situasi kemasyarakatan yang berbeza yang dinamakan konteks. Mereka berpandangan bahawa 'setiap konteks ada bahasanya' (لِكُلْ مَقَامٍ مَّقَالٌ) kerana bentuk bahasa berbeza mengikut perbezaan konteks.
- iv- Kajian nahu sebelum ini hanya menumpukan kepada unsur-unsur dalam binaan ayat secara berasingan, sedangkan kajian harus mengambilkira ayat secara keseluruhan dan konteks wacananya yang mendorong kepada penghasilan makna ayat tersebut.
- v- Para pentafsir Al-Quran semenjak zaman silam lagi telah menegaskan betapa perlunya dibezakan antara makna zahir dan makna batin. Umpamanya para orientalist Barat hanya mentafsir ayat Al-Quran berdasarkan makna leksikal sedangkan konteksnya yang meliputi sebab turunnya ayat dan suasana serta keperluan ketika ayat diturunkan telah diabaikan.
- vi- Ungkapan-ungkapan bahasa yang masyhur boleh digunakan semula dan disesuaikan dalam konteks baru yang hampir menyerupai konteks

- asal. Ini menunjukkan bahawa aspek konteks sangat penting sebelum meletakkan ungkapan bahasa yang sesuai.
- vii- Makna leksikal yang diberi kepada perkataan-perkataan tidak dianggap sempurna kerana makna tersebut diberi ketika perkataan tersebut tidak berada dalam wacana dan tidak dikaitkan dengan konteks pertuturan atau ianya bebas konteks.

Selain daripada buku *Tamām Ḥasan* seperti yang dinyatakan tadi, terdapat beberapa artikel beliau yang menyentuh tentang makna dan konteks dalam wacana. Artikel-artikel berkenaan telah diterbitkan dalam bukunya yang berjudul "Maqālāt fī al-Lughāt wa al-'Adab" pada tahun 1985. Artikel-artikel tersebut bertajuk "Min Musykilāt Ta'lim al-Nahw al-'Arabiyy", "Ta'lim al-Nahw bayna al-Nazariyyat wa al-Tatbiq", "Min Masa'il al-Nahw" dan "Zāhirat al-Rabṭ fī al-Tarkib wa al-'Uslub al-'Arabiyy".

Selain daripada *Tamām Ḥasan*, terdapat artikel tentang kajian wacana pertuturan Arab yang dihasilkan oleh Yowell Y. Aziz (1988) dari Universiti Mosul, Iraq. Artikel beliau bertajuk "Cohesion in Spoken Arabic Texts". Beliau mengkaji naratif (teks lisan) Arab berdasarkan kepada rakaman cerita rakyat selama satu jam yang disampaikan oleh seorang wanita yang tinggal di daerah Mosul yang terletak di bahagian utara Iraq. Yowell berjaya mengumpul sebanyak 1,135 alat kohesi dalam 328 ayat yang diujarkan dalam rakaman tersebut. Purata kewujudan alat-alat kohesi dalam setiap ayat adalah sebanyak 3.46 kali.

1.7.3 Perkembangan Analisis Wacana di Malaysia

Di Malaysia belum ada satu ulasan buku maupun bibliografi lengkap tentang penulisan wacana dalam bahasa Melayu sama ada berdasarkan model tagmemik, teori perlakuan bahasa atau bentuk wacana yang lain.²⁵ Yunus Maris (1966) boleh dianggap sebagai pengkaji pertama yang menggunakan kaedah analisis wacana dalam bahasa Melayu. Dalam artikelnya yang bertajuk "Keperihalan Keadaan: Satu Teknik Menganalisa Makna", beliau cuba membuktikan bahawa penggunaan ganti nama dan makna ungkapan hanya dapat dijelaskan dengan sempurna berlandaskan teori keperihalan keadaan (*context of situation*).²⁶ Selepas itu analisis wacana bagaikan terhenti sehingga tahun 1978 apabila Harimurti Kridalaksana (1978) menerbitkan artikel yang berjudul "Keutuhan Wacana". Harimurti berpendapat bahawa dengan melihat unsur-unsur bahasa yang ada, seorang ahli bahasa dapat menentukan sama ada sesuatu teks itu merupakan wacana ataupun hanya sekumpulan perkataan atau ayat yang tidak teratur. Menurutnya lagi, dengan melihat keutuhan sesebuah wacana, pengkaji bahasa dapat memahami hubungan bahasa dengan alam di luar bahasa secara lebih mendalam.²⁷ Seterusnya Lutfi Abas (1979) menghasilkan artikel yang bertajuk "Analisis Wacana Sebuah Cerpen" dan beliau sekali lagi pada tahun 1982 menghasilkan artikel yang berjudul "Keindahan Sastera Melalui Analisis Wacana" Kajian beliau ini bagaimanapun lebih cenderung kepada aspek stilistik.²⁸

Pada tahun 80 an , analisis wacana mula mendapat perhatian ahli-ahli bahasa tempatan bagi memeriksa tatabahasa bahasa Melayu.²⁹ Pada tahun

1989, Umar Junus telah menghasilkan satu buku yang bertajuk "Stilistik: Satu Pengantar". Beliau berpendapat bahawa sebuah wacana boleh ditampilkan dengan beberapa cara. Umpamanya wacana lisan boleh ditampilkan secara puisi atau prosa manakala wacana tulisan boleh ditampilkan dengan pelbagai cara dan gaya bagi memberikan interpretasi makna yang berbeza.³⁰ Artikel yang memaparkan konsep analisis wacana dalam linguistik Melayu dihasilkan oleh Asmah Haji Omar (1980) yang bertajuk "Analisis Wacana" yang diterbitkan dalam dua bahagian. Asmah cuba mengaplikasi kaedah wacana yang diutarakan oleh Sinclair dan Coulthard (1975) untuk memerihalkan struktur perbualan dalam teks dialog bahasa Melayu.³¹

Artikel-artikel lain yang diterbitkan dalam jurnal adalah seperti artikel Ismail Salleh (1993) yang berjudul "Tinjauan Ringkas Tentang Analisis Wacana dalam Sejarah Pemerian Tatabahasa Bahasa Melayu", artikel Khatijah Abdul Hamid (1996) yang bertajuk "Wacana dalam Teks Penulisan: Satu Tinjauan tentang Pertautan Berdasarkan Analisis Kohesi dan Koheren", artikel Abdul Jalil Othman (2000) yang bertajuk "Kajian Pertautan Ayat dalam Penulisan Karangan: Suatu Pengenalan" dan artikel Raja Masittah Raja Ariffin (2000) yang bertajuk "Genre Laporan Berita dalam Akhbar: Satu Analisis Wacana".

Kajian tentang analisis wacana dalam tesis doktor falsafah oleh sarjana-sarjana bahasa tempatan pula mula dipelopori oleh Abdul Aziz Idris (1982) yang menghasilkan kajian yang bertajuk "An Analysis of the Thematic Structure and System of Logical Relations in English and Malay Expository Texts" dan Azhar M. Simin (1983) yang berjudul "Discourse Syntax of Yang in Malay". Tesis Azhar M. Simin ini kemudiannya telah diterbitkan oleh Dewan

Bahasa dan Pustaka pada tahun 1993. Selepas itu semakin ramai sarjana linguistik tempatan yang berminat melakukan kajian analisis wacana pada peringkat doktor falsafah. Di Universiti Malaya sahaja, sehingga tahun 2000 terdapat hampir sepuluh tesis Ph.D yang berkaitan dengan analisis wacana. Antaranya tesis Sato Hirobumi @ Rahmat Abdullah (1991) yang berjudul "Analisis Nahu Wacana Bahasa Melayu Klasik Berdasarkan Teks Hikayat Hang Tuah: Suatu Pandangan dari Sudut Linguistik Struktural-Fungsian" yang kemudian diterbitkan pada tahun 1997 oleh Dewan Bahasa dan Pustaka, tesis Tan Joo Seng (1994) yang berjudul "Wacana Berita Sukan dalam Akhbar Bahasa Melayu: Satu Analisis Makro Struktur Semantik", tesis Le Vasan Mani (1996) yang berjudul "System and Process in Computer Mediated Discourse: A Case Study of Business Communication in Malaysian Corporation", tesis Wong Fook Khoon (1996) yang bertajuk "Cohesive Devices in English and Malay: An Interlingual Study Via Translation", tesis Zuraidah Mohd Don (1996) yang bertajuk "Prosody in Malay Discourse: An Analysis of Broadcast Interview", tesis Khathijah Abdul Hamid (1997) yang bertajuk "Analisis Kohesi dan Koheren dalam Karangan Bahasa Melayu Pelajar Tingkatan Empat di Sebuah Sekolah Menengah", tesis Ahmad Mahmood Musanif (1998) yang bertajuk "Tanya-Jawab dalam Novel Salina karangan A. Samad Said: Satu Kajian Berdasarkan Teori Lakuan Pertuturan" dan tesis Kamila Ghazali (1999) yang berjudul "A Critical Discourse Analysis of the Speeches of Dr. Mahathir Mohamad".

1.7.4 Perkembangan Analisis Wacana Arab di Malaysia

Jika kajian analisis wacana dalam bahasa Melayu di Malaysia mula aktif semenjak awal 80-an, maka kajian analisis wacana Arab di Malaysia boleh dikatakan terlalu baru dan berada pada peringkat perletakan batu asas. Ini adalah kerana sehingga hari ini belum ada satu artikel yang diterbitkan dalam jurnal tempatan yang berkaitan dengan analisis wacana Arab. Ahli-ahli bahasa Arab tempatan masih berpegang kuat kepada Aliran Nahu Tradisional yang dibawa oleh sarjana-sarjana agung silam dari negara Arab. Belum meluasnya pengkajian yang berkaitan dengan bidang analisis wacana Arab ataupun nahu wacana Arab di Malaysia adalah disebabkan oleh faktor-faktor berikut:

- i- Pengkajian terhadap bidang analisis wacana mengikut konsep yang dicetuskan di Barat belum bermula secara intensif di negara-negara Arab seperti Mesir, Morocco dan Jordan. Keadaan ini tidak dapat mempengaruhi sarjana-sarjana bahasa Arab lulusan universiti-universiti Timur Tengah untuk menerokai bidang analisis wacana.
- ii- Kedudukan bahasa Arab sebagai bahasa asing di Malaysia tidak seperti bahasa Melayu sebagai bahasa ibunda dan bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua menyebabkan kajian-kajian mengenai bahasa Arab banyak tertumpu kepada soal-soal pengajaran dan pembelajaran bahasa serta masih berlebaran sekitar perkara-perkara asas iaitu di peringkat mikrolinguistik untuk keperluan pemerolehan bahasa Arab.

- iii- Kajian analisis wacana itu sendiri masih dianggap baru di Malaysia. Baru yang dimaksudkan di sini ialah kajian tersebut masih di peringkat penerokaan iaitu ianya baru dikaji dalam beberapa aspek teori tertentu dan beberapa konteks wacana tertentu. Tidak ada aliran dan konsep wacana yang dicetuskan di Malaysia melainkan apa yang diaplikasi daripada teori-teori wacana Barat.

Bagaimanapun gegaran analisis wacana dalam kajian-kajian bahasa Melayu dan Inggeris tempatan kini telah melampiaskan kesannya kepada bahasa Arab di Malaysia. Ini terbukti dengan adanya kajian-kajian peringkat tesis Ph.D yang dilakukan oleh sarjana bahasa Arab tempatan di negara Arab. Tesis yang dimaksudkan ialah:

- i- Tesis Fauzi @ Fauri Ahmad (1999)

Tesis beliau berjudul "Al-Şarf al-Ta'limiyī fī al-'Afāl al-Mu'tallat" menumpukan kepada pengkajian konsep kata kerja mu'tall berdasarkan beberapa contoh karangan-karangan sarjana silam dan moden. Beliau juga mengkaji konsep berkenaan dalam Al-Quran sebagai satu percubaan yang berjaya menampilkan penggunaan jenis-jenis kata kerja mu'tall dalam kitab yang maha suci. Kesimpulan daripada kajian beliau ialah dengan membuat analisis terperinci tentang pengajaran kata kerja mu'tall dalam buku teks bahasa Arab yang digunakan di sekolah menengah. Walaupun kajian berkenaan mengambil contoh-contoh daripada beberapa teks, tetapi ia tidak menyentuh fungsi kata kerja mu'tall apabila berada dalam teks. Tesis beliau

iannya mengkaji struktur yang membentuk kata kerja tersebut, kemudian neneliti contoh-contohnya dalam teks tanpa mengkaji fungsi wacananya. Dalam kata lain, kajian beliau lebih cenderung kepada bidang morfologi lepas konteks.

i- Tesis Mohd Bakhir Hj. Abdullah (1999)

Tesis beliau yang bertajuk "Zāhirat al-'Asalīb al-Balāghiyat fī al-'Arabiyyat wa al-Mālīziyyat: Dirāsat fī al-Taḥlīl al-Taqābuliyy" mengkaji gaya-jaya bahasa retorik yang terdapat dalam bahasa Arab dan bahasa Melayu. Beliau menggunakan pendekatan analisis kontrastif dalam memerikan uslub-uslub balāghat yang serupa dalam kedua-dua bahasa. Data yang digunakan dalam kajian beliau merupakan data wacana penulisan Arab dan versi terjemahannya dalam bahasa Melayu iaitu buku "Duhā al-Islām". Secara umumnya, kajian beliau ini bertujuan untuk mencari kaedah yang mudah dan berkesan dalam membantu pengajaran bahasa Arab kepada pelajar-pelajar Melayu melalui andaian kesalahan yang mungkin berlaku semasa pembelajaran. Di samping itu, beliau cuba menunjukkan kaedah terjemahan terbaik bagi unsur-unsur yang dikaji dalam konteks wacana.

iii- Tesis Mohammad Seman (2000)

Dalam tesisnya yang bertajuk "Zāhirat al-Muṭabaqat al-Nahwiyyat fī al-'Arabiyyat al-Fuṣḥā al-Mu'āṣirat: Dirāsat Naṣṣiyyat fī 'A'māl Muṣṭafā Lutfiyy Al-Manfaṭūtiyy", beliau mengkaji konsep keserasian nahu (*grammatical*

agreement) yang terdapat dalam bahasa Arab. Beliau mengkaji konsep berkenaan dalam karangan-karangan yang dihasilkan oleh sasterawan agung Arab yang bernama Muṣṭafā Luṭfiyy Al-Manfalūtiyy. Di samping itu, beliau berjaya melakukan analisis kontrastif di antara bahasa Arab dan bahasa Melayu bagi memeriksa jenis-jenis kesalahan yang berkaitan dengan keserasian nahu yang mungkin dilakukan oleh pelajar-pelajar bahasa Arab daripada kalangan penutur jati Melayu.

1.7.5 Kesimpulan

Berdasarkan penelitian terhadap kajian analisis wacana yang dilakukan oleh sarjana-sarjana bahasa tempatan terutamanya sarjana bahasa Arab, pengkaji mendapati belum ada satu kajianpun yang menyerupai atau hampir menyerupai tajuk kajian pengkaji. Bahkan usaha pengkaji mengaplikasi teori kohesi yang dipelopori oleh Halliday dan Hasan (1976) untuk menggambarkan hakikat wacana penulisan Arab adalah sesuatu yang baru di Malaysia bahkan di dunia Arab. Terdapat tiga sebab utama yang mendorong pengkaji memilih model analisis kohesi Halliday dan Hasan (1976). Pertama kerangka analisis kohesi yang dimajukan oleh Halliday dan Hasan mendapat pengiktirafan oleh semua pencinta dan pengkaji analisis wacana. Pengiktirafan di sini bermaksud apabila mereka membicarakan tentang kohesi dalam analisis wacana, maka mereka mula-mula sekali merujuk kepada apa yang dibayangkan oleh Halliday dan Hasan. Ini dapat dilihat dengan jelas dalam Brown dan Yule (1983), McCarthy (1991),

Renkema (1993) dan Parker dan Riley (2000). Terdapat juga kajian lanjutan yang disandarkan kepada kerangka berkenaan telah dilakukan oleh sarjana-sarjana analisis wacana Barat. Antaranya dilakukan oleh Raphael Salkie (1995) dengan kajian yang bertajuk "Text and Discourse Analysis". Oleh yang demikian, usaha menerapkan kerangka Halliday dan Hasan dalam kajian wacana Arab adalah sesuatu yang tepat pada masanya. Kedua, model Halliday dan Hasan bermula dengan penelitian unsur bahasa yang hendak dikaji dalam wacana kemudian baru diberi fungsi dan kaedah berdasarkan wacana tersebut. Ini bermakna model ini bermula dengan aspek praktikal dan berakhir dengan aspek teori yang sebenarnya menepati proses kewujudan bahasa itu sendiri. Ketiga, model yang diperkenalkan oleh Halliday dan Hasan menepati tujuan pengkaji untuk memeri konsep ketenunan bahasa dalam wacana Arab. Model tersebut menampilkkan perbezaan di antara ketenunan nahu dan ketenunan leksikal di antara bahagian-bahagian dalam sesebuah wacana. Dari itu, akan terhasil hubungan semantik dalam ayat dan antara ayat-ayat. Ini amat bersesuaian sekali dengan wacana tulisan Arab yang terbina berdasarkan sistem nahu dan perkataan yang padu. Kesimpulannya, kajian ini diyakini dapat memberikan sumbangan yang besar dalam perkembangan analisis wacana di Malaysia secara amnya dan perkembangan analisis wacana Arab di Malaysia serta bidang-bidang yang berkaitan secara khasnya.

.8 Rangka Kajian

Kajian ini dibahagikan kepada 6 bab seperti berikut:

Bab Satu yang merupakan pendahuluan kepada kajian akan mengemukakan dasar-dasar penulisan tesis. Ia dimulakan dengan penjelasan istar belakang kajian diikuti oleh permasalahan-permasalahan yang tenggerak dan mendorong kepada keperluan kajian ini. Seterusnya ia iperkukuhkan dengan objektif-objektif yang hendak dicapai menerusi kajian, kop kajian, kaedah atau metodologi yang akan digunakan dalam kajian, ahan atau korpus yang dipilih bagi menguji hipotesis kajian, rangka kajian lan kajian lampau yang akan menelusuri perkembangan analisis wacana termasuk analisis wacana Arab di dalam dan luar negara.

Bab Dua pula merupakan penjelasan terhadap konsep wacana dan konsep kohesi Arab. Dalam konsep wacana, akan dinyatakan definisi wacana berdasarkan pandangan dua aliran linguistik iaitu Aliran Struktural dan Aliran Fungsional. Selain daripada itu, pengkaji akan menyatakan kriteria-kriteria utama yang diperlukan untuk menjamin ketekstualan sesebuah wacana, aspek-aspek perbezaan di antara wacana lisan dan tulisan serta hubungan wacana dengan konteks situasinya. Manakala dalam konsep kohesi, selain daripada definisi kohesi mengikut pandangan beberapa sarjana analisis wacana, pengkaji akan membincangkan fungsi kohesi dalam struktur ayat dan wacana, kohesi dalam sistem linguistik serta hubungan di antara kohesi dan koheren.

Bab Tiga yang merupakan kerangka kajian akan membincangkan beberapa konsep tatabahasa Arab dan kaedah-kaedah penggunaan bahasa Arab penulisan yang relevan dengan konsep kohesi dalam wacana serta dapat disesuaikan dengan jenis-jenis kohesi yang utama sebagaimana yang dikemukakan oleh Halliday dan Hasan.

Bab Empat merupakan analisis kohesi nahu dalam korpus yang dipilih. Analisis kohesi nahu melibatkan jenis-jenis pertalian nahu yang utama iaitu rujukan, elipsis, substitusi dan konjungsi.

Bab Lima pula menganalisis korpus atau data dari aspek kohesi leksikal. Analisis kohesi leksikal melibatkan jenis-jenis pertalian leksikal yang utama iaitu pengulangan, sinonim, antonim, superordinat, hiponim, metonimi dan kolokasi.

Bab Enam adalah bab terakhir yang akan membuat kesimpulan dengan menyatakan penemuan-penemuan daripada analisis yang dijalankan dengan disokong oleh angka-angka dan peratusan-peratusan yang konkret. Selain daripada itu, beberapa cadangan untuk kajian susulan akan dikemukakan.

1.9 Penutup

Berdasarkan kepada apa yang telah dibincangkan dalam bab ini, pengkaji menjangkakan akan dapat melakukan satu kajian yang tersusun lagi bermutu dan seterusnya dapat mencapai objektif-objektif yang telah digariskan. Pengkaji berkeyakinan bahawa kajian sintaksis wacana Arab

seperti ini mampu memberi sumbangan yang besar terhadap perkembangan bahasa Arab dan seterusnya menjana perkembangan kajian-kajian teks yang berpaksikan situasi penggunaannya yang sebenar. Justeru itu, adalah diharapkan agar bab ini dapat memberikan satu kefahaman dan idea yang menyeluruh terhadap kajian yang dijalankan.

CATATAN BAB 1

- 1 Steiner dan Veltman (1988:148)
- 2 Coulthard (1985:7)
- 3 Salkie(1995:ix)
- 4 McCarthy dan Carter (1994:134)
- 5 van Dijk (1977:vii)
- 6 Lihat surah Al-Baqarāt, Ayat 31
- 7 Abduh Al-Rājihiyy (1973:78-99)
- 8 Muḥammad Al-Hannāsy (1980:48-56)
- 9 Maḥmūd Taymūr (1992:10)
- 10 Terjemahan **competence** dan **performance** diambil daripada Harimurti Kridalaksana (1983)
- 11 Misyāl Zakariyyā (1982:32-45)
- 12 Istilah **latihan penciran** dipinjam daripada Asmah Hj. Omar (1984:60)
- 13 Muṣṭafa Nu'mān Al-Badriyy (1991:39-140)
- 14 Mostafa Al-Shak'a (1978:5-21)
- 15 McCarthy (1991:5)
- 16 Coulthard (1985:3-4)
- 17 McCarthy (1991:5-6)
- 18 van Dijk dan Kintsch (1983:2)
- 19 Coulthard (1985:1)
- 20 McCarthy (1991:6)
- 21 van Dijk dan Kintsch (1983:2)
- 22 McCarthy (1991:6)
- 23 Maḥmūd Ahmad Nahlat (1988:81-82)

- 24 Tamām Ḥasān (1986b:336-340)
- 25 Wong Khek Seng (1995:13)
- 26 Abdullah Hassan (1987:159-164)
- 27 Harimurti Kridalaksana (1978:507-517)
- 28 Wong Khek Seng (1995:14)
- 29 Ismail Salleh (1993:358)
- 30 Umar Junus (1989:90)
- 31 Wong Khek Seng (1995:14)